

Ihtifal IPT ASEAN di USIM

SEREMBAN 15 Nov. - Seramai 225 mahasiswa dari 22 institusi pengajian tinggi ASEAN berkampung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, dekat sini selama lima hari sempena program Ihtifal IPT ASEAN 2011 yang berakhir semalam.

Mereka terdiri daripada mahasiswa dari 14 Institusi Pengajian Tinggi dalam negara, lima universiti dari Indonesia, Brunei (2) dan sebuah dari Thailand.

Program anjuran USIM dengan kerjasama Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) itu julung-julung kali diadakan dengan menampilkan empat acara iaitu tilawah al-Quran, pertandingan nasyid, debat dan persidangan belia Islam sedunia.

Majlis penutup program itu dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Dr. Musa Ahmad.

USIM menganjurkan Debat Bahasa Arab peringkat IPT ASEAN sebanyak empat kali sejak 2007.

Bagi memeriahkan pertandingan itu, USIM mengambil inisiatif menganjurkan acara tilawah al-Quran, pertandingan nasyid, debat dan persidangan belia Islam sedunia.

Dengan tema Belia Islam Pemangkin Transformasi Ummah, antara signifikan setiap acara adalah untuk menonjolkan kesenian Islam di samping menajamkan bakat para belia.

Ia diharap dapat melahirkan generasi belia Islam yang memiliki elemen penting seperti kekuatan semangat dan daya juang yang tinggi, luas penguasaan ilmu serta berkeupayaan memimpin anggota masyarakat.